

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN MANIVANNAN A/L
GOWINDASAMY [KAPAR]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2017

SOALAN :

**YB Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta PERDANA
MENTERI menyatakan:**

(a) secara terperinci perkembangan tuntutan semula kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh dan juga pemilikan kedaulatan Terumbu Karang Selatan ekoran timbulnya isu pertindihan wilayah perairan semasa insiden pelanggaran kapal USS John S McCain dengan sebuah kapal dagang di perairan berhampiran; dan

(b) senaraikan semua nama dan status terkini kepulauan yang menjadi perebutan wilayah dan sempadan di antara Malaysia dengan negara-negara lain. Adakah Kerajaan Persekutuan menyokong penuntutan Filipina terhadap kepulauan yang menjadi pertikaian antara mereka dengan China.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah memfailkan permohonan semakan terhadap keputusan kes Pulau Batu Puteh di hadapan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 2 Februari 2017.

Pihak Singapura telah mengemukakan pemerhatian bertulis (*written observations*) bertarikh 24 Mei 2017 kepada permohonan semakan yang dikemukakan oleh Malaysia kepada ICJ.

Buat masa ini, pertemuan antara ejen kedua-dua negara di ICJ bagi menentukan prosedur seterusnya telah pun diadakan pada 11 September 2017. ICJ telah memutuskan pada 9 Oktober 2017 bahawa Malaysia diberikan peluang untuk mengemukakan *written observations* tambahan dan dokumen yang berkaitan sebelum suatu tarikh yang ditetapkan pada tahun hadapan bagi pendengaran kes tersebut. Pihak Singapura juga akan diberikan peluang untuk mengemukakan *written observations* sebagai balasan kepada *written observations* tambahan yang dibuat oleh Malaysia.

Berhubung dengan insiden pelanggaran kapal USS John S McCain dengan sebuah kapal dagang di perairan wilayah Malaysia pada 21 Ogos 2017, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia telah mengetuai operasi mencari dan menyelamat yang melibatkan pelbagai pihak termasuk Tentera Laut Diraja Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia, Tentera Darat Malaysia, Pasukan Polis Marin, Jabatan Laut Malaysia dan Tentera Laut Amerika Syarikat.

Sekian, terima kasih.